

Soalan No:32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 19.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah persediaan pihak Kementerian di dalam menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0 khususnya dalam menyediakan program pembelajaran yang terkini seiring dengan pewujudan pekerjaan-pekerjaan baharu di pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggubalan kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah bersifat dinamik dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti dasar pendidikan, pelan pembangunan ekonomi negara dan trend di peringkat global termasuk perkembangan Revolusi Industri 4.0. Selari dengan perkembangan era digital, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menaik taraf kurikulum Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). TMK di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dilaksanakan melalui Modul TMK yang diajar merentas kurikulum mata pelajaran bagi melahirkan murid berkemahiran TMK, kreatif dan inovatif dengan memberi fokus kepada konsep asas kemahiran pemikiran komputasional. Di bawah Kurikulum Standard Sekolah

51

Menengah (KSSM) pula, mata pelajaran Asas Sains Komputer di peringkat menengah rendah dan Sains Komputer di peringkat menengah atas diperkenalkan dengan memberi lebih penekanan kepada kemahiran pemikiran komputasional melalui pengekodan atau pengaturcaraan.

Mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) juga dilaksanakan di peringkat sekolah rendah (Tahap II) dan di peringkat menengah rendah. Melalui RBT, murid diperkenalkan mengenai kriteria reka bentuk menggunakan teknologi dalam pembinaan dan pembuatan produk supaya menjadi individu yang mempunyai pemikiran global serta memahami teknologi terkini yang mampu menyelesaikan masalah masa hadapan. Pada peringkat menengah atas pula, KPM turut menawarkan mata pelajaran berasaskan kreativiti dan teknologi seperti Grafik Komunikasi Teknikal, Asas Kelestarian, Reka Cipta dan Sains Komputer.

KPM juga menyemak dan melaksanakan pemetaan program pendidikan vokasional yang sedia ada dengan keperluan industri bagi memastikan program tersebut selari dengan industri (*industrial demand*). Contohnya program pengurusan perniagaan yang ditawarkan di Kolej Vokasional sudah memasukan modul tambahan khusus berkaitan dengan *Internet of Things* (IoT) yang bertujuan untuk memberi peningkatan ilmu dan kemahiran berkenaan pengaruh komputer dalam pengurusan perniagaan seperti *business on-line* dan sebagainya.